

|             |  |
|-------------|--|
| Headline    | <b>Jangan benar Anwar jadi Perdana Menteri</b> |
| Date        | <b>05 Jul 2010</b>                             |
| MediaTitle  | <b>Sinar Harian</b>                            |
| Section     | <b>Nasional</b>                                |
| Journalist  | <b>N/A</b>                                     |
| Frequency   | <b>Daily</b>                                   |
| Circ / Read | <b>60,000 /</b>                                |

|              |                           |
|--------------|---------------------------|
| Language     | <b>Malay</b>              |
| Page No      | <b>N4</b>                 |
| Article Size | <b>162 cm<sup>2</sup></b> |
| Color        | <b>Full Color</b>         |
| ADValue      | <b>891</b>                |
| PRValue      | <b>2,673</b>              |



## Jangan benar Anwar jadi Perdana Menteri

**BAYAN LEPAS** – UMNO tidak akan menghalang sesiapa yang berminat untuk menyertai parti itu kerana segala usaha yang dijalankan bersama adalah untuk kebaikan rakyat majmuk negara ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Pinang, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, keseluruhan jentera perlu meningkatkan kualiti kerja agar mampu menakluki Pulau Pinang kembali setelah ham-pir tiga tahun menjadi pem-bangkang.

"Usaha yang dijalankan secara berterusan ini adalah untuk memastikan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan menakluki negara dengan memegang jawatan Perdana Menteri.

"Keseluruhan ahli perlu bersatu padu dan melipatgandakan usaha kerana kita sebenarnya bernaung di bawah sebuah parti yang kuat, namun masing-masing masih kurang



● Mohd Isa (dua,kanan) ketika menghadiri Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Balik Pulau 2010 yang diadakan di Kompleks Tabung Haji, semalam.

pandai untuk menguruskan kekuatannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Balik Pulau 2010 yang diadakan di Kompleks Tabung Haji di sini, semalam.

Beliau berkata, kredibiliti Anwar semakin tergugat apabila beliau terlibat di dalam kes liwat melibatkan

bekas pembantu khasnya, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

"Wajahnya umpama watak utama filem Panca Delima di mana siang beliau menjadi ular, malam pula menjadi manusia," katanya yang turut menasihati agar seluruh ahli berusaha gigih untuk meneruskan perjuangan demi kesejahteraan negara.